

**SRC tidak tahu dana dipindahkan ke akaun saya, kata Najib**  
**Malaysian Insider**  
**March 9, 2016**  
**Oleh Anisah Shukry**

Menteri Kewangan Datuk Seri Najib Razak berkata hari ini, SRC International tidak mempunyai maklumat mengenai RM42 juta yang dilapor dipindahkan ke akaun bank peribadinya.

Melalui satu jawapan bertulis di Parlimen semalam, beliau berkata, dakwaan itu tidak berasas dan bersumber dari sebuah portal.

Perdana menteri berkata demikian sebagai respons kepada soalan Ahli Parlimen Kelana Jaya Wong Chen dari PKR yang bertanya identiti orang yang meluluskan pemindahan dana itu.

Wong Chen juga bertanya sama ada RM42 juta itu sudah dikembalikan kepada SRC International, syarikat yang dimiliki sepenuhnya Kementerian Kewangan.

"SRC International tidak mempunyai maklumat tentang isu ini dan ia juga berdasarkan laporan berita daripada sebuah portal yang tidak dapat menentukan kesahihan sumbernya," menurut Najib dalam jawapan bertulis itu.

"Oleh itu, di bawah Peraturan Mesyuarat 23(1) (i), perkara ini tidak memerlukan jawapan kerana ia adalah soalan yang meminta penjelasan mengenai sesuatu yang dilaporkan akhbar."

The Malaysian Insider melaporkan pada 21 Januari, Najib mengaku menerima RM42 juta daripada SRC International, dalam satu kenyataan bertulis untuk kes samannya terhadap Tun Dr Ling Liong Sik.

Tetapi peguam Najib Mohd Hafarizam Harun kemudiannya menafikan perkara itu.

"Jika anda melihat kenyataan jawaan kami, anak guam saya hanya mengakui RM42 juta disalurkan ke dalam akaunnya, tetapi tidak tahu ia melalui 2 perantara seperti yang didakwa Dr Ling," Hafarizam memberitahu Malaysiakini.

Beliau berkata, jawapan Najib tidak menyebut dana itu datang dari SRC International milik Kementerian Kewangan.

Pada 26 Januari, Peguam Negara Tan Sri Mohamed Apandi berkata tidak mendapati cukup bukti mendakwa Najib melakukan sebarang salah laku selepas meneliti kertas siasatan yang melibatkan SRC International dan derma RM2.6 bilion.

Ini kerana Najib tidak menyedari SRC International memindahkan wang ke dalam akaunnya, dan beliau menganggap dana itu sebahagian derma yang diterimanya dari keluarga diraja Saudi. – 9 Mac, 2016.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianoutsider.com/bahasa/article/src-tidak-tahu-mengenai-dan-a-yang-dipindahkan-ke-akaun-saya-kata-najib>